

12/01/2001

Wanita hantar nama pemimpin kepada PM untuk dipertimbang

KUALA KANGSAR, Khamis - Pergerakan Wanita Umno sudah mengemukakan senarai nama pemimpinnya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dilantik mengisi sebarang jawatan dalam Kabinet.

Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, senarai itu dikemukakan selepas pilihan raya lalu dan beliau sentiasa memberi input terbaru kepada Perdana Menteri untuk mengisi jawatan yang sesuai.

Menurutnya, pemberian input itu adalah proses biasa bagi membolehkan Perdana Menteri membuat penilaian dan pertimbangan berdasarkan kelayakan dan keupayaan seseorang.

"Itu adalah hak mutlak Perdana Menteri (untuk memilih). Saya beri input itu dah lama, selepas pilihan raya...dan saya memang sentiasa beri input kepada Perdana Menteri, kalau nak lantik inilah orangnya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Aidilfitri anjuran Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) di Manong, dekat sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kemungkinan ada menteri di kalangan Wanita Umno akan terbabit dalam rombakan Kabinet yang diumumkan Dr Mahathir, kelmarin.

Rafidah bagaimanapun enggan mengulas ketika ditanya sama ada beliau akan terbabit dalam rombakan Kabinet itu, sebaliknya menyerahkan perkara itu kepada Perdana Menteri kerana ia adalah hak mutlak beliau.

Menurutnya, beliau juga berpesan kepada Wanita agar menerima suratan takdir jika nama mereka tidak tersenarai dan menerima konsep rezeki serta takdir Allah.

"Kita tak usah fikirkan sangat siapa akan masuk Kabinet dan siapa gugur. Itu takdir Ilahi bila dah sampai masanya, pergilah (turun) kita dan kalau sudah sampai masanya, naiklah seseorang itu," katanya.

Beliau berkata, Wanita Umno juga tidak pernah melobi untuk mendapatkan jawatan kerana sudah menjadi amalan beliau tidak gemar dengan perbuatan seumpama itu.

Sementara itu, Rafidah menasihatkan ahli Wanita Umno yang berminat bertanding dalam pemilihan pada peringkat bahagian kali ini agar melakukannya secara baik bagi mengelakkan perpecahan.

"Saya berpendapat seelok-eloknya seluruh struktur sama ada Wanita, Pemuda dan Umno sendiri jangan terlalu menumpukan perhatian kepada soal ganti menggantikan kepemimpinan kerana parti kita dan negara menghadapi pelbagai cabaran.

"Kita perlu ada satu penyatuan tenaga yang memberi fokus untuk menyelesaikan masalah dalaman parti, menangani isu semasa membabitkan parti dan memastikan parti kita mempunyai ketahanan daripada ancaman," katanya.

Menurutnya, jika terlalu banyak pertandingan ia akan membazirkan banyak masa dan tenaga kerana ia akan menyebabkan masa yang panjang untuk menyatukan balik perpaduan setelah wujudnya perpecahan.

(END)